

# **KEUPAYAAN NOVEL KOMSAS MENERAPKAN NILAI PERPADUAN BERSIKAP TERBUKA DALAM KALANGAN MURID**

**(*The Suitability of KOMSAS Novels for Inculcating Open-Mindedness Among Secondary School Students*)**

*Husairi Hussin*

putraery@yahoo.com

*Nor hasimah Ismail*

nshimah@uum.edu.my

*Mohd Isha Awang*

isha@uum.edu.my

Published online: 1 December 2020

To Cite: Husairi Hussin, Nor hasimah Ismail dan Mohd Isha Awang. (2020). Keupayaan Novel Komsas Menerapkan Nilai Perpaduan Bersikap Terbuka dalam Kalangan Murid. *Malay Literature*, 33(2), 295–317.

---

## **Abstrak**

Perpaduan kaum sudah lama wujud dan sebatи dalam kehidupan masyarakat di negara kita. Kewujudan masyarakat berbilang kaum di negara kita masih utuh biarpun adakalanya berlaku pergeseran sama ada dari segi ekonomi, politik maupun sosial. Bagi memastikan perpaduan kaum kekal terpelihara, sistem pendidikan kebangsaan melalui KSSM diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian masyarakat. Melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kementerian Pendidikan menetapkan nilai perpaduan untuk dipelajari oleh murid-murid melalui karya KOMSAS, dan salah satunya nilai perpaduan bersikap terbuka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan novel KOMSAS menerapkan perpaduan dalam kalangan murid, iaitu dengan menganalisis, membincangkan dan menjelaskan nilai perpaduan bersikap terbuka yang merupakan elemen perpaduan dalam KSSM yang terdapat dalam novel KOMSAS mengikut Teori Cerminan Lukacs. Kajian berbentuk kualitatif ini menganalisis kandungan novel *Jendela Mengadap Jalan* dipadankan dengan Teori Cerminan Lukacs mengikut nilai perpaduan dalam KSSM.

Hasil kajian mendapati novel *Jendela Mengadap Jalan* menerapkan nilai-nilai perpaduan bersikap terbuka seperti yang digariskan dalam KSSM. Dua pendekatan digunakan oleh pengarang untuk penelitian nilai perpaduan dalam karya, iaitu pendekatan dialog dan pemerian. Didapati nilai perpaduan dalam novel ini wajar diterapkan, seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian murid-murid. Nilai perpaduan bersikap terbuka sewajarnya disampaikan dengan dengan cara yang berhemah oleh guru, seperti secara memujuk dan melarang. Dapatkan kajian ini memberikan implikasi, iaitu pemupukan perpaduan untuk pengharmonian kaum di negara ini dapat diterapkan menerusi novel KOMSAS.

Kata kunci: Pendidikan; nilai perpaduan; novel KOMSAS; KSSM; Teori Cerminan Lukacs

#### *Abstract*

*Ethnic harmony has existed for a long time in this country. The multi-ethnic nature of our society remains unchanged even if there are occasional disputes in the economic sector and political or social spheres. To ensure the continuance of ethnic harmony, the Standard National Secondary School Curriculum (Kurikulum Standard Sekolah Menengah or KSSM) was introduced by the Ministry of Education. In this curriculum, the principles of national unity are to be inculcated through literary works taught in the literature component (KOMSAS) in schools. One of these principles is open-mindedness. This study aims to employ Lukacs's Reflection Theory to examine the extent to which KOMSAS novels can be used to inculcate unity among students by analysing, discussing and clarifying the principle of open-mindedness, as specified in the KSSM. This is a qualitative study analysing the contents of the novel Jendela Mengadap Jalan using the Reflective Theory of Lukacs adapted according to the open-mindedness principle in the KSSM. The findings of this research show that the novel Jendela Mengadap Jalan is infused with the principle of open-mindedness as outlined in the KSSM. To examine the principles of unity in the novel, the researcher approached two aspects, namely dialogue and portrayal. It is found that the principles of unity conveyed in this novel should be applied and practiced by students in their daily lives. Teachers should convey open-mindedness to their students wisely using persuasion and warning. The implications of this research are that KOMSAS novels can be used to foster unity and ethnic harmony in this country.*

*Keywords:* Education; unity values; Literature Component (KOMSAS) novels; KSSM; Lukacs's Reflection Theory

## PENDAHULUAN

Sistem pendidikan negara melalui perubahan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa selaras dengan taraf kemajuan negara. Transformasi demi transformasi dilakukan bertujuan untuk menjamin tahap kualiti pendidikan negara agar lebih baik dan seterusnya memenuhi keperluan pendidikan alaf ke-21. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diperkenalkan pada tahun 1989, kini diganti dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula pada tahun 2017 (KPM, 2017). Biarpun perubahan ini bertujuan untuk mencapai standard antarabangsa, namun aspek nilai murni, iaitu yang berkaitan dengan perpaduan negara tidak pernah diabaikan. Hal ini demikian kerana, kewujudan masyarakat majmuk di negara kita memberikan banyak kebaikan dan kelebihan kepada Malaysia. Walaupun begitu Harus diingat bahawa sebagai sebuah masyarakat majmuk yang mempunyai perbezaan dari segi agama, bahasa, bangsa dan budaya, pembentukan nilai perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat bukanlah perkara yang mudah dan perlu ditangani dengan berhemah (Mohd Ridhuan, 2010).

Kewujudan masyarakat majmuk yang harmoni dan muhibah perlu dipupuk dan dihargai oleh semua bangsa di negara kita (Chew, 2009). Langkah yang paling berkesan untuk mengekalkan keharmonian ini adalah melalui sistem pendidikan. Pendidikan merupakan komponen penting dalam usaha memupuk perpaduan untuk melahirkan masyarakat yang saling hormat-menghormati dan bertoleransi. Senario politik perkauman di negara kita yang semakin berleluasa kini, juga seperti api dalam sekam yang boleh mencetuskan konflik jika tidak ditangani segera (Abd Aziz *et al.*, 2017). Oleh itu penekanan nilai murni melalui aspek seni bahasa dalam KSSM bahasa Melayu diharapkan dapat meneruskan kesinambungan keharmonian perpaduan kaum di negara kita. Aspek pendidikan nilai perpaduan melalui novel KOMSAS amat bermanfaat seperti yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu KOMSAS mampu membentuk jadi diri dan sahsiah murid (KPM, 2017).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Isu perpaduan kaum tidak mudah ditangani dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita. Permasalahan pertama yang perlu difahami ialah keunikian masyarakat majmuk di negara kita yang mempunyai kepelbagaiaan kaum yang secara keseluruhannya berbeza. Perkara ini perlu dihormati oleh

semua pihak kerana setiap kaum mempunyai identiti bangsa masing-masing sejak sekian lama (Mior Khairul Azrin, 2011). Jadi isu ini harus menjadi keutamaan dalam pembentukan perpaduan di negara kita. Seterusnya permasalahan kedua ialah wujud sentimen perkauaman yang disebabkan oleh peranan media sosial. Kepantasan maklumat melalui media sosial menjadi beban kepada banyak pihak terutamanya kerajaan apabila keharmonian negara mula tergugat oleh berita negatif yang tular daripada media sosial. Isu media sosial ini semakin memberat apabila wujudnya parti-parti politik yang berasaskan etnik sering menjadi duri dalam daging mencetuskan kebimbangan rakyat melalui penyebaran berita yang tidak bermoral (Jeniri Amir, 2017). Ekoran itu, permasalahan yang ketiga, wujudnya prasangka dalam masyarakat terutamanya melibatkan kuasa politik dan ekonomi negara yang tidak seimbang. Perkara ini umpama bom jangka yang boleh meledak pada bila-bila masa sahaja jika tidak ditangani secara berhemah (Mahzan *et al.*, 2011). Malah isu dasar-dasar kerajaan yang telah diwujudkan sejak sekian lama seolah-olah tidak memberikan impak yang berkesan terhadap perpaduan negara. Bermula dengan sistem pendidikan kebangsaan (Akta Pendidikan 1998) sehingga Gagasan 1Malaysia (2009) semuanya masih tidak dapat meyakinkan sesetengah kaum apabila lebih banyak sekolah-sekolah berasaskan kaum dan agama wujud seperti cendawan tumbuh selepas hujan (Asmiaty *et al.*, 2013). Akhir sekali, masalah keterbatasan kajian terhadap keupayaan novel KOMSAS untuk menerapkan nilai perpaduan dalam kalangan murid. Jika terdapat penyelidikan hanya berkisar tentang aspek kecil yang terhad seperti tema dan persoalan (Chew, 2009). Oleh sebab permasalahan ini, perlu ada alternatif agar kajian tentang nilai perpaduan terutama aspek bersikap terbuka dalam novel KOMSAS perlu dilaksanakan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan novel KOMSAS menerapkan perpaduan dalam kalangan murid, iaitu menganalisis, membincangkan dan menjelaskan nilai perpaduan bersikap terbuka, iaitu elemen perpaduan, dalam KSSM yang terdapat dalam novel KOMSAS mengikut Teori Cerminan Lukacs.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan pembentukan integrasi nasional sebagai teras utama untuk melahirkan bangsa Malaysia yang aman dan harmoni (Halimah *et al.*, 2017). Perkara ini telah diperjelas secara terperinci dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-

2025 (KPM, 2017), iaitu keharmonian kaum di negara kita perlu disatukan melalui sistem pendidikan. Bagi merealisasikan agenda ini, mata pelajaran bahasa Melayu melalui KSSM telah menggariskan KOMSAS sebagai elemen utama untuk memupuk minat murid, iaitu melalui pengapresiasi sastera yang mendukung kemahiran berbahasa, membentuk jati diri dan sahsiah murid bermula di sekolah. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu beberapa pihak terutama pendukung institusi pendidikan di negara kita seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan MARA membentuk perpaduan negara. Hal ini demikian kerana kedua-dua badan ini merupakan institusi besar yang melaksanakan pendidikan di negara kita. Ibu bapa dan murid-murid serta masyarakat diharapkan memperoleh manfaat daripadanya.

## BATASAN KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu pada novel yang terpilih sebagai buku teks KOMSAS Tingkatan 4 Zon 1 yang melibatkan sekolah-sekolah di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Novel Berjudul *Jendela Mengadap Jalan*, karya Ruhani Matdarin ini telah memenangi tempat kedua Hadiah Sastera Kumpulan Utusan Malaysia (HSKU) pada tahun 1990. Rasional pemilihan novel terbitan Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd. kerana sebuah karya yang dihasilkan oleh penulis yang mapan dan telah menerima pelbagai anugerah. Malah semua karya yang terpilih sebagai teks KOMSAS telah diiktiraf oleh panel penilai yang pakar (Ariff, 2009). Pemilihan novel menengah atas pula dibuat berbanding novel menengah rendah kerana pelajar peringkat menengah atas lebih matang dan perlu diberikan dorongan dan panduan untuk menghayati seterusnya mengamalkan nilai perpaduan dalam kehidupan sehari-hari mereka (Chew, 2007). Oleh itu semua aspek nilai perpaduan bersikap terbuka yang terdapat dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* akan dianalisis untuk memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan.

## METODOLOGI

Kajian ini memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif yang secara khusus menganalisis teks dalam novel KOMSAS *Jendela Mengadap Jalan*. Secara ringkasnya proses inkuiri atau penerokaan ini adalah bertujuan untuk memahami realiti manusia berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan semula jadi (Creswell, 2003). Untuk tujuan itu, Teori Cerminan Lukacs (2011) yang melihat realiti dalam kehidupan disesuaikan dengan kajian ini.

Maka semua bahan kepustakaan seperti buku, majalah, jurnal, dan dokumen lain yang berkaitan dengan tajuk kajian menjadi rujukan bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih sempurna untuk menyokong kajian ini.

Prinsip Teori Cerminan Lukacs ini berdasarkan manifesto yang dilakukan pada era kemunculan fahaman Marxisme di Jerman pada kurun ke-19. Karl Marx (1818–1883) merupakan pelopor teori sosialis ini. Terdapat pelbagai panggilan yang menggambarkan tentang teori ini seperti gambaran, rujukan, lakonan, bayangan dan sebagainya. Sehingga suatu ketika dahulu, kisah-kisah sastera yang bersifat individualistik tidak diterima kerana bagi Lukacs (2011) karya sastera haruslah bersifat kemasyarakatan. Maka atas dasar kepercayaan itulah teori ini dikatakan setiap cerita haruslah menggambarkan tentang sosiologi seperti yang dimaksudkan dengan cerminan masyarakat. Perkara ini akan dipadankan dengan karya yang dipilih, iaitu novel *Jendela Mengadap Jalan*.

Oleh itu, prinsip yang diterapkan oleh Lukacs, iaitu cerminan seharusnya memaparkan realiti masyarakat dalam pelbagai bentuk perhubungan dan komunikasi. Realiti yang dimaksudkan itu dijelaskan oleh Septian Audiana (2017) merangkumi pertama, karya sastera harus bersifat objektif. Kedua, setiap peristiwa benar seperti sejarah yang dicatatkan seharusnya dapat memberikan pedoman kepada pembaca. Ketiga, karya sastera bersifat refleksi artistik yakni perkara yang diceritakan itu kisah benar masyarakat yang dijadikan lebih berseni. Keempat, kisah yang dipaparkan dalam karya sastera selalunya lebih kritis untuk panduan dan pedoman pembaca. Jadi untuk menilai nilai perpaduan dalam karya sastera adalah amat bersesuaian serta boleh dijadikan pengajaran kepada murid-murid.

## SOROTAN KAJIAN

Bagi mendapatkan penjelasan yang mendalam tentang elemen nilai perpaduan ini, sorotan kajian ini dibahagikan kepada dua, iaitu teoretikal atau konseptual dan empirikal. Aspek teoretikal melibatkan pendidikan nilai perpaduan, manakala aspek empirikal pula ialah kajian aspek perpaduan dalam karya sastera.

### Sorotan Kajian Pendidikan Nilai Perpaduan

Penulisan oleh Halimah *et al.*, (2017) berjudul “Perbandingan Aspek Pentaksiran Lisan Berdasarkan Descriptor KBSM dengan KSSM” menekankan bahawa perubahan yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan ini haruslah

bersifat dinamik. Hal ini kerana, KSSM merangkumi bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang meluas untuk melahirkan modal insan yang ideal. Oleh itu, usaha yang sedang dilaksanakan ini perlu dilakukan dengan teliti agar aspek penting, iaitu perpaduan kaum diambil kira.

Abdul Latif (2005) dalam tesis sarjananya menekankan aspek nilai murni yang perlu diberikan perhatian serius memandangkan kekerapan berlakunya kes buli dan gengsterisme dalam kalangan murid. Beliau menegaskan bahawa dalam usaha mengejar kemajuan dan kejayaan terutama ibu bapa dan guru-guru adakalanya melupakan hal yang penting, iaitu aspek dalaman atau nurani. Lebih memburukkan lagi keadaan apabila soal kemajmukan, iaitu perpaduan kaum tidak dipedulikan terutama oleh anggota masyarakat. Agar nasi tidak menjadi bubur, semua pihak disarankan mengutamakan pendidikan aspek nilai perpaduan bagi melahirkan masyarakat yang saling hormat-menghormati dan bekerjasama.

Kajian yang dilakukan oleh Norazri (2015) pula adalah terhadap guru-guru di Kolej Kemahiran Tinggi MARA ketika proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Beliau mengkaji penerapan nilai murni yang dilaksanakan oleh para pengajar terhadap pelajar ketika mengajar. Masalah yang timbul adalah apabila murid tidak mengetahui tentang nilai-nilai yang diterapkan ketika proses pengajaran berlaku. Hal ini menunjukkan bahawa penerapan nilai tersebut tidak mencapai sasarnya. Maka tidak hairanlah timbulnya isu pendidikan negara yang sering dicemari oleh saman-menyaman antara ibu bapa dan murid terhadap guru seperti yang dilaporkan oleh *Harian Metro*, 30 Oktober 2018. Untuk mengelakkan perkara sebegini terus berlaku aktiviti PdP perlu lebih menitikberatkan tentang penerapan nilai untuk difahami oleh murid-murid.

Seterusnya usaha untuk memantapkan pendidikan negara dengan nilai murni diterjemahkan oleh Mohd Firdaus dan Normaliza (2014). Mereka menegaskan bahawa penerapan nilai murni sewajarnya dan boleh dilakukan melalui karya sastera. Hasil kajian mereka mendapati karya sastera mempunyai peranan dan sumbangan yang besar untuk membentuk generasi masa depan yang berakhlaq dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Kajian mereka, walaupun hanya melibatkan buku cerita kanak-kanak tetapi impak yang didapati menunjukkan pembaca memahami pendidikan nilai yang diterapkan dalam karya tersebut. Hal sebegini seharusnya diperluas terhadap novel-novel KOMSAS yang menjadi buku teks wajib kepada murid-murid di sekolah.

Penulisan oleh Sara *et al.*, (2015) dalam kajiannya yang berjudul “Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel *Melunas Rindu*: Aplikasi Maksim Leech dan Grice” mendapati bahawa novel tersebut memaparkan kesopanan yang boleh diteladani oleh pembaca. Kesopanan yang paling dominan adalah tentang penggunaan bahasa yang sopan dalam sesebuah cerita melalui petikan sama ada dialog ataupun pemerian. Penggunaan bahasanya yang santun dan teratur dapat mendidik pembaca untuk diterapkan dalam kehidupan seharian mereka seperti cara bergaul dan juga berbicara. Kajian ini membuktikan bahawa setiap karya sastera yang baik dan terpilih untuk KOMSAS sudah pasti mempunyai elemen tertentu untuk diserapkan kepada pembaca, terutamanya murid-murid.

Forgacs (1988) pula mengaitkan sastera sebagai dokumen yang menyatakan atau menyalurkan maklumat tentang realiti masyarakat kepada masyarakat. Hal ini bermaksud realiti sebenar kehidupan masyarakat itu disalurkan dalam dunia sastera melalui novel, cerpen dan sebagainya. Segala tindak-tanduk dalam masyarakat dapat disalurkan melalui sastera untuk pengetahuan umum. Cara ini membolehkan pelbagai perkara yang melibatkan masyarakat yang didapati melalui karya sastera dapat dijadikan pedoman atau pengajaran kepada khalayak. Maka, tidak mustahil untuk mencari nilai perpaduan dalam karya sastera apabila nilai murni ini dimasukkan dalam novel oleh pengarang.

Harus diingat bahawa menurut Stave Sawa dalam (Kamarul Azmi, 2012), setiap komunikasi atau perhubungan manusia itu tidak terbatas. Adakalanya perhubungan antara manusia itu berlaku tanpa disedari lantas menjadi cerminan kepada masyarakat. Perhubungan ekonomi misalnya, umum mengetahui bahawa ekonomi di Malaysia dikuasai oleh orang Cina jadi dalam hubungan perniagaan atau perdagangan sudah pasti secara tidak kita sedari telah berlaku komunikasi dalam proses urusan tersebut. Jadi perkara ini pasti akan tertera secara tidak langsung juga dalam karya sastera yang ditulis oleh etnik tertentu.

### **Sorotan Kajian Aspek Perpaduan dalam Karya Sastera**

Kementerian pendidikan Malaysian (2017) telah memperkenalkan KSSM dan menetapkan sepuluh nilai perpaduan yang harus dipelajari oleh murid-murid. Objektif ke-10 dalam KSSM meletakkan hasrat agar murid dapat menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa. Mempelajari dan mendalamai nilai perpaduan seperti bersikap terbuka, bertoleransi, percaya, bekerjasama,

berhemah tinggi, menghargai, prihatin, amanah, adil dan rasional sangat dituntut melalui karya-karya KOMSAS yang dipelajari oleh murid di sekolah. Perkara ini bukanlah baharu, sebaliknya merupakan rentetan daripada KBSM. Malah telah banyak kajian dan penulisan yang dilakukan tentang kewajaran KOMSAS dalam usaha menerapkan perpaduan kaum di negara kita.

Penulisan Anwar Ridhwan (2002) menjelaskan bahawa penerapan nilai murni kepada pembaca tidaklah sukar asalkan ada yang sudi mendengar atau membacanya. Beliau memberikan contoh berkaitan perbuatan mengutip sampah yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja untuk diteladani. Namun begitu, kelompongan yang dipersoalkan ialah nilai-nilai murni ini tidak disampaikan kepada murid-murid. Beliau menegaskan bahawa teks KOMSAS mengandungi nilai dan pengajaran tentang aspek perpaduan tetapi tidak dihayati oleh murid-murid. Oleh itu, perkara ini perlu diatasi oleh semua pihak terutama guru-guru yang berperanan untuk menjelaskannya terutama bagi mengekalkan keharmonian dan perpaduan negara berterusan.

Mohammad Salleh dan Rozlan (2014) dalam tulisan mereka mengatakan karya sastera amat sesuai dijadikan bahan utama atau teras dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Mereka menegaskan bahawa sekolah ialah tempat bermulanya pendidikan yang tulus dan suci jika diajar dan disampaikan tanpa prejudis. Maka kesungguhan pihak KPM untuk menjadikan karya sastera dalam pembentukan akhlak terutamanya menyemai perpaduan dalam kalangan masyarakat perlu diberikan sokongan oleh semua pihak.

Chew (2013) pula dalam bukunya *Cerpen dan Perpaduan Nasional* membuka lembaran baharu yang lebih jelas dalam usaha mewujudkan perpaduan nasional. Beliau telah mewujudkan satu kerangka yang merangkumi semua aspek antaranya termasuklah Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Bahasa Kebangsaan untuk mewujudkan perpaduan nasional. Kajian beliau terhadap cerpen sangat menyeluruh untuk menggambarkan bahawa karya sastera mempunyai potensi dan sangat sesuai untuk menjadi agen perpaduan di negara kita. Malah dalam cadangannya, sangat mengharapkan agar karya KOMSAS dapat diperkasakan untuk mencapai matlamat mengukuhkan keharmonian kaum di negara kita.

Usaha yang dilakukan oleh pengkaji dan sarjana sentiasa berterusan untuk memperlihatkan keupayaan karya sastera memartabatkan perpaduan kaum. Perkara ini dapat dilihat melalui kajian Asmiaty *et al.*, (2013) yang mengumpulkan karya yang bertemakan perpaduan kaum di negara ini. Beliau menegaskan semua cerita ada menyentuh tentang perpaduan tetapi tidak cukup kuat untuk membentuk satu gagasan perpaduan yang utuh.

Walaupun begitu usaha murni ini sangat baik kepada pengkaji lain untuk meneruskan penelitian yang berkaitan dengan perpaduan di negara kita agar lebih utuh dan menyeluruh.

Rentetan daripada itu, usaha mengangkat karya sastera sebagai wadah perpaduan mula aktif dan menonjol pada peringkat sekolah seperti yang diperkatakan dalam kajian Nik Rafidah (2005). Kajian beliau terhadap 20 buah novel yang digunakan di seluruh negara sebagai buku teks KOMSAS untuk melihat elemen perpaduan. Hasil kajian beliau mendapat semua novel tersebut mempunyai nilai perpaduan seperti yang diharapkan sama ada melalui cerita ataupun isu yang disentuh dalam cerita. Jadi diharapkan semua kajian dan penulisan tersebut walaupun tidak menyeluruh, namun apabila digabungkan dapat menggambarkan bahawa terdapat usaha untuk menerapkan elemen perpaduan melalui karya sastera.

## **ANALISIS NILAI PERPADUAN BERSIKAP TERBUKA DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan novel KOMSAS *Jendela Mengadap Jalan* yang telah diteliti dan dianalisis, semua nilai perpaduan yang digariskan dalam KSSM dapat ditafsirkan sama ada secara tersurat mahupun tersirat (KPM, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa elemen perpaduan yang terdapat dalam novel KOMSAS dapat diterjemahkan secara eksplisit, iaitu disampaikan dengan jelas kepada murid seperti pendekatan dalam prinsip Teori Cerminan Lukacs yang memaparkan realiti dalam kehidupan. Semua analisis berkaitan objektif kajian dipaparkan seperti yang berikut.

### **Perpaduan dalam KSSM yang terdapat dalam Novel KOMSAS Mengikut Teori Cerminan Lukacs**

Nilai perpaduan bersikap terbuka dalam Novel *Jendela Mengadap Jalan* merangkumi lima aspek, iaitu sanggup berkongsi, saling percaya, menerima dan meraikan tetamu, mempelajari bahasa asing dan saling memahami. Hal ini bersesuaian dengan pendekatan Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu refleksi artistik yakni kisah benar masyarakat yang dipaparkan dalam karya sastera. Sebagai contoh, petikan di bawah menjelaskan tentang sikap watak yang berkongsi cerita dan pandangan dengan orang lain yang berlainan bangsa. Mereka saling bercerita dan memberikan pendapat serta nasihat untuk kebaikan bersama.

Sama ada aku menjawab atau tidak soalan itu, aku hanya tersenyum ketika mata kami bertembung, pada fikiranku, manusia yang baru aku kenali ini seorang yang pelik. Pelik sebab aku tidak kenal siapa dia, tetapi dia bercerita tentang cita-cita, tentang masa depan.

(2004, p. 15)

Petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa mereka tidak mengenali satu sama lain, hanya bertemu di dalam bas. Namun begitu, mereka bersikap terbuka terhadap situasi perkenalan tersebut dan saling berbual mesra. Meskipun berlainan bangsa, Lili dan Geetha boleh bercerita tentang pelbagai perkara sehingga mereka sampai ke destinasi yang dituju.

Seterusnya, dalam realiti kehidupan sebenar nilai perpaduan dalam pergaulan perlu ada sikap saling percaya antara satu sama lain. Hal ini dijelaskan dalam Teori Cerminan Lukacs (2011) sebagai karya sastera selalunya lebih kritis untuk panduan dan pedoman pembaca. Sikap saling percaya ini dapat membentuk kesefahaman kaum yang lebih erat untuk meninggalkan kesan dan pengaruh terhadap masyarakat. Sebagai contoh, petikan tersebut menjelaskan tentang bersikap terbuka untuk saling percaya yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan.

Kami bercerita setelah nenek dibawa pergi oleh wanita itu, iaitu ibu Geetha yang kemudiannya aku panggil sebagai mak cik. Geetha memberitahu bahawa ibunya telah lama menjadi pelanggan setia kepada minuman herba hasil buatan tangan datuk.

(2004, p. 46).

Disebabkan saling mempercayai, maka hubungan antara dua insan yang berlainan kaum, iaitu nenek dan ibu Geetha terjalin dengan kukuh, sehingga ibu Geetha menjadi pelanggan setia terhadap minuman herba yang disediakan oleh datuk.

Selain itu, dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin (2014) juga menekankan nilai perpaduan bersikap terbuka dari segi mempelawa rakan atau tetamu yang berlainan agama datang ke rumah. Hubungan sebegini dapat diteladani oleh murid-murid akan nilai perpaduan bersikap terbuka untuk menerima tetamu. Sebagai contoh:

“Kita jumpa lagi,” kata Geetha sambil menggenggam erat jemariku.

“Nanti awak datanglah ke rumah nenek saya.”

“Tentu,” jawabnya.

(2004, p. 51)

Walaupun baru berkenalan dan berlainan bangsa dan agama atas dasar keikhlasan Lili mengundang Geetha ke rumah neneknya. Mengundang tetamu ke rumah tidak menjadi halangan kepada Lili. Malah amalan ini sangat digalakkan untuk mewujudkan kesefahaman kaum yang lebih erat. Hal ini jelas menunjukkan kefahaman tentang adat dan kepercayaan menggalakkan seseorang yang berlainan kaum untuk saling mengenali antara satu sama lain dan melakukan aktiviti seperti ziarah-menziarahi dan mewujudkan sikap saling berfikiran terbuka. Hal ini bertepatan seperti yang ditekankan dalam Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu kisah dalam realiti masyarakat dapat dijadikan pedoman kepada pembaca.

Nilai perpaduan bersikap terbuka juga merangkumi pengetahuan untuk memahami isu sosial seperti amalan, budaya, bahasa, adat dan agama sesuatu kaum lain. Sikap begini termasuklah isu mempelajari bahasa asing. Apabila mengetahui tentang bahasa kaum lain, maka akan lebih memudahkan perhubungan dan mengeratkan perpaduan. Sebagai contoh: “Macam mana awak boleh faham?” Sebab saya sekolah Cina.” (2004, p. 139).

Keinginan untuk mempelajari bahasa asing merupakan inisiatif diri sendiri, tiada sebarang paksaan oleh mana-mana pihak. Perhubungan antara kaum akan menjadi lebih dekat apabila saling memahami antara satu sama lain melalui bahasa yang dipelajari. Contoh seperti ini boleh dijadikan pedoman kepada murid-murid dalam kehidupan seharian mereka seperti yang disarankan dalam Teori Cerminan Lukacs (2011).

Seterusnya, penerapan nilai perpaduan bersikap terbuka dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* memberi pemahaman kepada murid akan perihal pentingnya bersikap saling memahami dalam kehidupan seharian yang sangat ditekankan dalam Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu setiap kisah boleh memberikan pedoman kepada pembaca. Hal ini dapat dijelaskan melalui contoh berikut:

Tanpa disedari, nenek telah pun membuka cerita zaman mudanya bersama-sama datuk, yang membuatkan kami saling berpandangan. Pada mulanya terbit rasa malu dengan sikap lepas cakap nenek di depan Geetha yang masih kuanggap orang asing, tetapi aku tersedar, nenek bercerita sesuatu yang tidak diceritakan ketika bersama-samaku tetapi

HUSAIRI HUSSIN, NOR HASIMAH ISMAIL AND MOHD ISHA AWANG

diceritakan ketika ada Geetha. Hal itu bermaksud Geetha bukan orang asing di hati nenek.

(2004, pp. 108–109)

Sikap terbuka untuk berkongsi segala cerita atas dasar percaya dan juga menerima semua orang tidak kira kaum akan mengeratkan lagi perhubungan yang sudah sedia terjalin. Oleh itu, sikap saling memahami sentiasa dituntut dalam pergaulan supaya keharmonian kaum sentiasa utuh.

Dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* yang dipelajari oleh murid-murid sekolah di Zon 1 terdapat lima elemen nilai perpaduan bersikap terbuka, iaitu sanggup berkongsi, saling percaya, menerima dan meraikan tetamu, mempelajari bahasa asing dan saling memahami. Hal ini berpadanan dengan maksud sikap terbuka yang diberikan dalam KSSM, iaitu bersedia dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta dan norma masyarakat Malaysia yang berbilang kaum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Perkara ini juga bersesuaian dengan konsep Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu kisah dalam karya sastera dapat memberi panduan dan pedoman untuk membentuk murid-murid yang berakhhlak murni.

### **Pendekatan Nilai Perpaduan Bersikap Terbuka Mengikut Teori Cerminan Lukacs yang terdapat dalam Novel KOMSAS untuk Pemahaman Murid**

Pendekatan nilai perpaduan ialah cara atau teknik yang digunakan dalam sesebuah novel KOMSAS untuk menerapkan nilai perpaduan kepada murid. Terdapat dua cara atau pendekatan nilai perpaduan disampaikan dalam novel KOMSAS *Jendela Mengadap Jalan*. Semua pendekatan ini sangat dekat dengan dunia penulisan novel atau cereka, iaitu melalui pemerian dan dialog Sara *et al.*, (2015, 2016). Pendekatan yang digunakan dalam novel ini dapat difahami oleh murid sama ada secara tersurat mahupun tersirat (Nurhamizah, 2015). Contoh yang diberikan juga sangat jelas dan amat dekat dengan diri murid-murid di sekolah selaras dengan Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu karya sastera bersifat objektif dan berkaitan dengan kehidupan sebenar dalam masyarakat.

#### **(1) Pendekatan melalui Pemerian**

Dalam konteks pemerian, cara yang digunakan dalam novel KOMSAS untuk menyampaikan nilai perpaduan mestilah mudah difahami oleh murid-murid apabila membacanya. Selain itu, pendekatan ini juga dapat membangkitkan

minat murid-murid untuk mendekati dan menghayati novel tersebut. Dengan cara ini cerita yang mengandungi nilai perpaduan bersikap terbuka dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* dapat dihayati oleh murid-murid dengan lebih baik, seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian (KPM, 2017). Contoh petikan pemerian yang terdapat dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* ada yang disampaikan secara ringkas, iaitu pendek dan padat seperti dalam realiti kehidupan seharian manusia (Lukacs, 2011). Terdapat juga petikan yang agak panjang. Walaupun begitu, semua petikan tersebut mudah untuk difahami oleh pembaca terutamanya murid-murid kerana menggunakan bahasa yang ringkas. Lebih mudah lagi jika guru menerangkan dengan lebih terperinci maksud nilai perpaduan tersebut ketika aktiviti PdP. Melalui pendekatan pemerian ini murid-murid dapat lebih menghayati nilai perpaduan yang terkandung dalam novel tersebut.

Contoh ayat seterusnya memaparkan pendekatan nilai perpaduan melalui pemerian dalam Novel *Jendela Mengadap Jalan*: “Dia mencari barang yang ingin dibelinya, apa yang dipesan oleh datuk” (2004, p. 144).

Ayat tersebut ringkas dan jelas menceritakan Danel bersama-sama Lili ke kedai untuk membeli barang yang telah dipesan oleh datuk. Sudah tentulah maksudnya akan difahami oleh murid-murid, iaitu Lili dan Danel membantu datuk. Perbuatan tersebut merupakan tingkah laku yang baik, iaitu membantu orang tua. Watak bukan Melayu Danel tidak keberatan untuk bersama-sama Lili membantu Datuk mendapatkan barang keperluannya. Begitu juga dengan contoh berikut:

Pada sebelah petangnya, aku bertekad untuk melawat Geetha. Apabila hasrat itu aku sampaikan kepada nenek yang sedang mengejar itik di belakang rumah, nenek mengizinkan tetapi tidak membenarkan aku pergi sendirian.

(2004, p. 97)

Petikan pemerian tersebut mengandungi dua ayat yang agak panjang untuk menjelaskan tentang sikap terbuka nenek membenarkan Lili menziarahi kawannya yang berlainan bangsa. Jadi murid-murid sudah pasti dapat memahami dengan mudah bahawa kebenaran yang diberikan oleh nenek kepada Lili untuk ke rumah Geetha adalah bersyarat, iaitu tidak keluar bersendirian. Perkara sebegini amat jelas berlaku dalam kehidupan seharian manusia seperti yang sangat ditekankan oleh Lukacs (2011), iaitu realiti dalam kehidupan seharian untuk dijadikan pedoman kepada pembacanya.

Tujuannya agar murid-murid menjaga diri dan menghindarkan diri daripada bahaya jika keluar bersendirian. Terdapat juga petikan pemerian yang agak panjang. Sebagai contoh:

Sewaktu sampai di rumah, serambi kosong. Aku naik ikut pintu depan dan ketika masuk ke rumah, aku hampir terjerit apabila melihat datuk sedang berdiri di belakang Danel yang meniarap dengan wajahnya tersenyum tetapi berkerut mungkin kerana menahan kesakitan diurut oleh kaki datuk yang pejal seperti batu itu.

(2004, p. 120)

Petikan tersebut hampir satu perenggan yang mengandungi dua ayat yang sangat panjang. Walaupun begitu pemerian tersebut mudah untuk difahami oleh murid kerana maksudnya jelas, iaitu Lili hendak menyatakan bahawa Danel diurut oleh datuk dengan cara pendekatan tradisional. Peristiwa ini ini merupakan sebahagian daripada cara hidup rakyat Malaysia yang berkongsi budaya. Hal ini dapat difahami seperti dalam Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu peristiwa benar. Begitu juga dengan contoh berikut:

Kami duduk di pangkin di halaman rumah. Dia menunggu di bawah ketika kau naik ke atas untuk menunaikan solat zuhur yang berjaya untuk tidak aku qadakan. Aku tinggalkan dia ketika dia dalam keadaan senyum melepaskanku pergi dan ketika aku datang kepadanya, dia masih tetap tersenyum.

(2004, p. 102)

Petikan tersebut mengandungi tiga ayat yang panjang untuk menyatakan sikap terbuka dalam persahabatan yang berlainan agama, iaitu tentang keperluan menunaikan kewajipan bersolat. Geetha menunggu Lili menunaikan kewajipan sebagai umat Islam, iaitu bersolat. Petikan ini memaparkan seorang sahabat yang memahami kewajipan kawannya yang berlainan agama dengannya. Sikap terbuka, iaitu menghormati kawan yang berlainan kepercayaan wajar dicontohi oleh murid-murid. Jadi murid-murid mudah memahami kerana walaupun diceritakan agak panjang tetapi dengan struktur ayat yang jelas dan mudah.

Keseluruhannya pendekatan pemerian ini walaupun terdapat ayat yang panjang dan pendek, namun semuanya sangat mudah untuk difahami oleh murid-murid. Dengan bantuan guru dan juga aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan di dalam kelas yang menyeronokkan akan

lebih memudahkan murid menyerap nilai dan menerapkannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Hal ini selaras dengan Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu kisah yang dipaparkan dalam sesebuah karya sastera boleh dijadikan pedoman kepada pembaca kerana amat dekat dengan realiti kehidupan mereka.

## (2) Pendekatan melalui Dialog

Selain nilai perpaduan yang disampaikan melalui pemerian terdapat juga pendekatan lain, iaitu melalui dialog. Dialog atau perbualan antara watak yang terdapat novel tersebut dapat mendidik murid-murid agar lebih memahami tentang nilai yang hendak disampaikan, iaitu mendapat pedoman (Lukacs, 2011). Malahan juga menjadi amalan dalam kehidupan sehari-hari terutama apabila melibatkan masyarakat majmuk, iaitu realiti kehidupan (Lukacs, 2011). Dialog yang terdapat dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* ini ada yang ringkas dan ada yang panjang, iaitu sama seperti realiti kehidupan manusia (Lukacs, 2011) ketika berkomunikasi secara verbal. Sebagai contoh dialog yang ringkas dalam novel *Jendela Mengadap Jalan*: “Macam mana awak boleh faham?” “Sebab saya sekolah Cina.” (2004, p. 139)

Dialog tersebut sangat ringkas menyatakan sikap terbuka untuk menerima pendidikan di sekolah yang berlainan bangsa dengannya, dan menggunakan bahasa pengantar bukan bahasa ibundanya. Jadi perbualan sebegini dapat menjelaskan kepada murid-murid tentang keperluan mempelajari sesuatu bahasa asing.

Begitu juga dengan petikan dialog berikut: “Persaudaraan dan persahabatan dalam Islam sesuatu yang digalakkan untuk mencapai perpaduan ummah,” jawab Danel (2004, p. 51). Pengakuan yang diberikan oleh Danel walaupun berbangsa Cina dapat difahami bahawa dia memahami tentang keperluan bangsa dan agama lain dalam kehidupan. Walaupun berbangsa Cina, Danel mengambil tahu akan agama yang lain daripada agama yang dianutinya. Jadi, sikap terbuka sebegini perlu difahami dan diamalkan oleh murid-murid. Tambahan pula petikan dialog tersebut ringkas dan mudah untuk difahami bersesuaian dengan realiti kehidupan sehari-hari (Lukacs, 2011).

Selain petikan dialog yang ringkas atau pendek terdapat juga dialog yang agak panjang. Walaupun begitu dialog tersebut sangat mudah untuk difahami oleh murid-murid. Sebagai contoh:

“Tempat tinggal saya terdiri daripada pelbagai kaum. Kami dapat bergaul dan memahami budaya yang pelbagai dan tersendiri,” jawabnya sambil tertawa kecil.

HUSAIRI HUSSIN, NOR HASIMAH ISMAIL AND MOHD ISHA AWANG

“Bila saling mengenali, pasti keharmonian antara kaum akan terjalin dan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu akan tercapai,” sambungnya.

(2004, p. 103)

Petikan tersebut agak panjang yang menjelaskan tentang keperluan hidup bersatu padu dan harmoni untuk kesejahteraan negara. Menurut Teori Cerminan Lukacs (2011) perkara ini boleh menjadi pedoman kepada pembaca. Hal ini amat mudah untuk difahami oleh murid-murid. Contoh yang berikut juga agak panjang:

“Awak nak tak ke rumah nenek saya, bermalam di sana semalam dua. Saya pun bosan juga, tentu tak bosan kalau awak ada,” cadangku.  
“Bolehkah macam tu?” tanyanya gembira.  
“Tentu sekali, lagipun ibu awak sahabat baik nenek saya, kan.”

(2004, p. 100)

Dialog di atas menunjukkan sikap terbuka dalam pergaulan. Lili mengajak Gheeta datang bermalam di rumahnya. Hubungan yang ditampilkan dalam petikan ini adalah akrab sehingga ada usaha untuk mengundang sahabatnya yang berlainan bangsa bermalam di rumahnya. Jadi pendekatan dialog ini walaupun agak panjang tetapi mudah untuk difahami dan dicontohi oleh murid-murid dalam pergaulan sehariannya mereka.

Secara keseluruhannya, semua dialog dalam novel KOMSAS sangat mudah difahami oleh murid. Dialog yang digunakan walaupun ada yang agak panjang, namun menggunakan bahasa yang mudah. Pendekatan ini diharapkan dapat memberikan kefahaman kepada murid. Kandungannya juga dapat menyuburkan semangat perpaduan dalam diri murid-murid dalam menjalani kehidupan sehariannya. Hal ini selaras dengan pendekatan Teori Cerminan Lukacs (2011) yang bersifat refleksi artistik yang diceritakan itu kisah benar yang dijadikan panduan dan pedoman kepada pembaca.

### **Kesesuaian Nilai Perpaduan dalam Novel KOMSAS untuk Pemahaman Murid**

Nilai perpaduan yang terdapat dalam novel KOMSAS sangat sesuai untuk pemahaman murid kerana disampaikan melalui cara yang mudah difahami. Nilai-nilai perpaduan ini sesuai untuk diterapkan dalam pengajaran dan

pembelajaran abad ke-21, iaitu bagi melahirkan insan yang harmonis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; 2017). Kesesuaian nilai perpaduan ini dilakukan secara berhemah, seterusnya memujuk atau mengajak dan yang terakhir dengan cara melarang atau tegahan dalam usaha mendidik murid menjadi insan yang berakhhlak. Oleh itu petikan dalam Novel KOMSAS dijadikan contoh untuk mendorong murid-murid ke arah perpaduan negara seperti yang diharapkan oleh KSSM melalui pengajaran KOMSAS di sekolah. Hal ini juga bertepatan dengan Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu untuk menjadi panduan dan pedoman.

### (1) Pendekatan Berhemah

Kesesuaian nilai perpaduan ini diterapkan kepada murid-murid, yang pertama, secara berhemah. Kebanyakan petikan sama ada dialog atau pemerian yang mempunyai nilai perpaduan disampaikan dalam novel KOMSAS secara lembut dan santun, iaitu berhemah. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), berhemah dalam karya KOMSAS bermaksud cerita yang merakamkan dan menggambarkan nilai kehidupan dalam masyarakat secara baik dan bersopan. Berhemah terangkum di dalamnya sifat-sifat positif dengan kesopanan, kelembutan, kesantunan serta berbudi bahasa untuk diteladani oleh murid-murid.

Petikan dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin (2014) ini menunjukkan sikap berhemah tersebut yang sesuai diterapkan dalam kalangan murid kerana karya sastera mengikut Teori Cerminan Lukacs (2011) itu seharusnya memberikan panduan dan pedoman kepada pembaca. Sebagai contoh:

“Kita jumpa lagi,” kata Geetha sambil menggenggam erat jemariku.  
“Nanti awak datanglah ke rumah nenak saya.”  
“Tentu,” jawabnya.

(2004, p. 51)

Lili mempelawa Geetha ke rumah neneknya secara sopan dan berhemah yang langsung tidak menunjukkan paksaan. Lantaran itu, Geetha juga memberikan persetujuan dengan senang hati. Malah sentuhan yang dilakukan oleh Geetha memperlihatkan lagi cara berhemah tersebut. Begitu juga dalam contoh berikut:

Nenek yang sedang menarik kain di ampaian dekat pintu dapur menyambut kedatangan Geetha dengan lambai tangannya. Geetha lekas-lekas mendekati nenek, bersalaman dan bertanyakan khabar.

(2004, p. 211)

Digambarkan cara nenek menyambut tetamu yang bertandang ke rumah dengan mesra dan sopan walaupun tetamunya berlainan kaum. Begitu juga dengan sikap Geetha yang bersalaman dengan nenek sambil bertanyakan khabar, memaparkan sikap sopan santun kepada orang tua. Jelas dapat dilihat bahawa nilai perpaduan bersikap terbuka, berhemah tinggi dan rasional dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* ini banyak memperlihatkan cara berhemah untuk diterapkan kepada murid-murid. Jadi hal ini, sudah pastilah dapat diteladani oleh murid-murid dalam kehidupan sehari-hari mereka dan berpadanan dengan Teori Cerminan Lukacs (2011).

## (2) Pendekatan Memujuk

Dalam pendidikan sudah menjadi keperluan kerana ada ketikanya sesuatu perkara perlu dididik secara memujuk. Sikap yang lembut bagi sesetengah perbuatan dan pendekatan akan lebih difahami oleh murid-murid. Dalam pendidikan, tidak semua murid dapat memahami nilai perpaduan yang disampaikan secara tegas atau paksaan. Jadi, pendekatan atau kesesuaian memujuk juga perlu untuk pendidikan yang berkesan. Kebanyakan pendidikan nilai perpaduan dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* mengandungi pendekatan memujuk selaras dengan pendekatan dalam Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu karya sastera lebih kritis untuk panduan dan pedoman pembaca. Sebagai contoh petikan dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* ini;

“Kita buat perjumpaan terbuka dengan penduduk kampung untuk menjelaskan kepentingan membina masjid daripada memasang kubah di bumbung surau kepada mereka,” cadang Denel.

(2004, p. 25)

Perkataan “menjelaskan” dalam petikan di atas ialah pendekatan memujuk untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Jadi perkara sebegini dapat dicontohi oleh murid-murid dalam kehidupan sehari-hari mereka seperti yang diharapkan dalam Teori Cerminan Lukacs (2011). Begitu juga dengan contoh yang berikut:

“Kamu cuba mengatakan kaedah rawatan tradisional telah gagal merawat penyakit ayah kamu?” tanya datuk.

“Tidak sama sekali, pak cik dengar dulu, saya tak bermaksud begitu,” nada suaranya menggambarkan bersopan santun dan merendahkan hati.

(2004, p. 64)

Walaupun menghadapi situasi yang agak tegang, namun Danel tetap tenang dan bersopan santun untuk menjelaskan perkara yang sebenar dengan cara memujuk. Apatahlah lagi orang yang dilawan bicara ialah orang yang jauh lebih tua daripadanya. Danel telah mengendalikan situasi tersebut secara berhemah. Pendekatan sebegini sangat sesuai untuk diteladani oleh murid-murid di sekolah apabila mendepani kehidupan sehari-hari mereka dalam kalangan masyarakat majmuk, lebih-lebih lagi kepada orang yang jauh lebih tua daripada mereka. Realiti sebeginilah yang diharapkan dalam pendekatan Teori Cerminan Lukacs (2011).

### (3) Pendekatan Melarang

Kesesuaian nilai perpaduan dalam novel KOMSAS ini juga dilakukan dengan cara melarang. Hal ini bermaksud petikan yang terdiri daripada dialog dan pemerian diberikan dalam bentuk larangan. Cara menegah adakah sangat sesuai digunakan untuk menghalang daripada melakukan sesuatu perkara yang tidak diingini. Jadi kepelbagaiannya ini sudah tentu sangat sesuai kepada murid-murid untuk dijadikan panduan dan pedoman (Lukacs, 2011). Sebagai Contoh petikan nilai perpaduan dalam novel *Jendela Mengadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin (2014) juga bersesuaian kepada murid-murid kerana terdapat dialog yang melarang. Sebagai contoh: “Tak payahlah kak, kami nak ajak abang haji ke surau. Ada kekecohan di surau, pemaju dari pekan datang semula ke kampung kita.”(2004, p. 56)

Perkataan “tak payahlah” sangat jelas menyatakan ketegasan apabila melibatkan sesuatu perkara. Dalam hal ini perlu ada ketegasan dalam membuat keputusan agar dapat memberikan manfaat kepada semua orang. Begitu juga dengan petikan berikut:

“Macam mana awak tahu saya di sini?”

“Cepat lari!” Tanpa menjawab pertanyaanku, dia menggenggam erat jemariku dan kami berlari meredah kepekatan malam.

(2004, p. 151)

Ada kalanya penggunaan tanda baca juga dapat menjelaskan tentang arahan tertentu yang bersifat larangan atau arahan seperti tanda seruan dalam contoh di atas. Arahan tersebut sudah pastilah menggambarkan arahan yang tegas untuk menyelamatkan diri. Jadi apabila melibatkan sesuatu hal yang penting atau genting murid-murid juga perlu bertegas. Maka panduan dan pedoman yang dijelaskan oleh Lukacs (2011) sangat bermanfaat untuk panduan dan pedoman pembaca.

Keseluruhannya semua nilai-nilai perpaduan ini sangat sesuai kepada murid kerana mempunyai pelbagai cara untuk mendidik yakni bersifat objektif seperti yang diperkatakan dalam Teori Cerminan Lukacs (2011), iaitu realiti masyarakat. Sama ada pendekatan berhemah, memujuk atau melarang semuanya adalah bertujuan untuk dijadikan contoh kepada murid-murid dalam kehidupan seharian mereka. Penelitian ini mendukung usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) untuk menjadikan KOMSAS sebagai alat membentuk perpaduan di negara kita.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, novel *Jendela Mengadap Jalan* yang terpilih sebagai teks KOMSAS ini keseluruhannya mempunyai pendidikan nilai-nilai perpaduan selaras dengan objektifnya, iaitu menganalisis nilai perpaduan bersikap terbuka dengan elemen perpaduan dalam KSSM yang terdapat dalam novel KOMSAS mengikut Teori Cerminan Lukacs. Semua nilai perpaduan bersikap terbuka tersebut sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Usaha ini dapat memupuk perpaduan kaum di negara kita. Hal ini sedemikian kerana aspek pendidikan nilai perpaduan ini disampaikan melalui pendekatan yang mudah untuk difahami oleh murid-murid di sekolah, iaitu melalui petikan dialog dan pemerian. Malahan murid-murid juga akan terkesan kerana semua petikan dan dialog tersebut disampaikan dengan cara yang berhemah, memujuk dan melarang. Secara keseluruhan dapatannya sangat berpadanan dengan Teori Cerminan Lukacs (2011) yang menekankan bahawa karya sastera dapat dijadikan panduan dan pedoman kepada pembaca yakni murid-murid. Walaupun begitu, hasil daripada perbincangan dapatkan kajian ini terdapat sesetengah contoh petikan nilai perpaduan ini perlu dijelaskan atau diterangkan oleh guru agar lebih difahami maksud yang hendak disampaikan. Aspek sebegini kelak perlu difikirkan untuk pemilihan novel KOMSAS pada masa hadapan. Apabila bahannya mudah difahami, maka hasrat KPM untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid-murid melalui KOMSAS akan tercapai dengan jayanya.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairulnisa Abdul Karim dan Nurliana Suhaini. (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum ke Arah Perpaduan Nasional Pascamerdeka. *Jurnal Sains Sosial*, 2, 1–24: Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Latif Ahmad. (2005). *Persepsi Guru dan Pelajar terhadap Gejala Buli di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat* (Tesis Sarjana Psikologi Pendidikan tidak diterbitkan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Anwar Ridhwan. (2002). *Perpaduan dalam Sastera dan Sastera Perpaduan*. Kertas Kerja Simposium Penulis Pelbagai Kaum. Kangar: Dewan Bahasa dan Pustaka dan GAPENA.
- Ariff Muhamad. (2009). *Analisis Kesesuaian Teks Bagi Genre Cerpen Dan Novel Komponen Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu* (Tesis PhD. tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad. (2013). Perpaduan Kaum dalam Antologi Cerpen 1Malaysia. *Jurnal MANU*, 19, 95–118. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Chew Fong Peng. (2003). *Peranan Sastera Kebangsaan dalam Pembentukan Perpaduan di Malaysia* (Kajian peringkat Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2007). Sastera Melayu dan Prasangka Etnik: Isu-isu dan Persoalan. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 30(1). Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Chew Fong Peng. (2007). *Masyarakat Berbilang Kaum dalam Sastera Kebangsaan di Malaysia: Analisis Deskriptif dan Empirikal*. Bandung: UPI Press.
- Chew Fong Peng. (2009). Pendidikan Sastera Perpaduan Menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (2), 15–31. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2013). *Cerpen dan Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 2nd edition. Sage: Thousand Oaks.
- Forgacs, D. (1988). *Teori Kesusasteraan Maxis. dalam Teori Kesusasteraan Moden*. In Jefferson, A dan Robey, D. (eds.), 196–249. Terjemahan Mokhtar Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- George Lukacs. (2011). *Dialektika Marxis: Sejarah dan Kesedaran Kelas*. Terjemahan Inyiak Ridwan Munzir. Yogyakarta: Ar-ruzz Media.
- Halimah Jamil, Rozita Radhiah Said, Azhar Md. Sabil dan Nor Azlina Mohd Kiram. (November 2017). Perbandingan Aspek Pentaksiran Lisan Berdasarkan Deskriptor KBSM dengan Standard Pembelajaran dalam Kurikulum Standard

HUSAIRI HUSSIN, NOR HASIMAH ISMAIL AND MOHD ISHA AWANG

- Sekolah Menengah (KSSM). *International Jurnal of Education and Training (InjET)* 3(2), 1-9. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Harian Metro. (2018, 30 Oktober). Saman bekas guru tak masuk kelas 7 bulan. *Harian Metro online*. Akses daripada <http://www.hmetro.com.my>.
- Jeniri Amir. (Ogos 2017). Agenda Akhbar dan Agenda Politik MCA. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 7(1), 101–110. Kulau Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kertas Kerja yang dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 pada 28–29 Mac 2012 di Puteri Resort: Melaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 3*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahzan Arshad, Abdul Jalil Othman & Nurfatimah Awang Da. (2011). Peranan Kesusastraan Pelbagai Budaya dalam Pembentukan Perpaduan Kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 34, 81–98. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mior Khairul Azrin bin Mior Jamaluddin. (Mei 2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke Arah perpaduan nasional. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4(1), 33–48. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press Owned.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 74–85. UMT: Terengganu.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Salleh Rahamad dan Rozlan Mohamed Noor. (2014). *Sastera Teras Negara Bangsa*. ITBM. Kuala Lumpur.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2005). *Pemikiran dan Teknik Penceritaan dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Pusat Pengajian Siswazah tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia: Serdang.

- Norazri Mohd. Zaidin. (2015). *Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA* (Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional tidak diterbitkan). Universiti Tun Hussein Onn Malaysian: Johor.
- Nurhamizah Hashim. (2015). *Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-novel Remaja Hadiyah Sastera Kumpulan Utusan (HSKL)* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Ruhaini Matdarin. (2014). *Jendela Mengadap Jalan*. Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.: Klang Lama, Kuala Lumpur.
- Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2015). Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel *Melunas Rindu*: Aplikasi Maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa* 15(1), 143–172. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik. *Jurnal GEMA Online Jurnal of Language Studies* 16(1), 67–87. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Septian Audriana. (2017). Representasi Realitas Sosial dalam Novel Tan Hendri Teja: Perspektif Realisme Sosialis Georg Lukacs. *Jurnal UNESA*. Universiti Negeri Surabaya.

Received: 5 March 2020

Accepted: 30 November 2020